

**Terma-Terma & Syarat-Syarat
Akaun Pelaburan Berjangka-i (TIA-i)**

**SILA BACA DAN FAHAMI SETIAP TERMA DAN SYARAT SEBELUM ANDA
MENANDATANGANI PERJANJIAN INI.**

1. DEFINISI

1.1. Istilah-istilah dan ungkapan-ungkapan berikut membawa makna seperti yang dijelaskan di bawah:

“**Bank**” bermaksud **Hong Leong Islamic Bank Berhad (200501009144 (686191-W)** atau “**HLISB**”.

“**BNM**” bermaksud Bank Negara Malaysia.

“**Hari Bekerja**” bermaksud hari di mana HLBB/HLISB dibuka untuk berurus niaga di Semenanjung Malaysia, Sabah atau Sarawak, mengikut takwim wilayah berkenaan.

“**Akaun Semasa-i & Akaun Simpanan-i**” atau “**CASA-i**” ialah akaun deposit HLISB yang patuh Syariah.

“**Akaun Semasa & Akaun Simpanan**” atau “**CASA**” ialah akaun deposit HLBB.

“**HLBB**” bermaksud Hong Leong Bank Berhad dan semua cawangannya.

“**HLISB**” bermaksud Hong Leong Islamic Bank Berhad dan semua cawangannya.

“**HLB Connect**” bermaksud kemudahan perbankan internet/ elektronik dan/ atau perkhidmatan yang disediakan oleh HLISB/HLBB, untuk membolehkan anda melakukan perkhidmatan melalui internet secara elektronik sama ada dengan menggunakan terminal komputer peribadi atau mana-mana alat peranti elektronik lain (termasuklah peranti mudah alih) yang boleh diakses dengan meletakkan Kod Keselamatan. Bagi tujuan terma dan syarat, rujukan maksud HLB Connect bermaksud dan termasuk merujuk kepada yang berikut;

- (a) HLB Connect Online Banking, boleh diakses melalui internet menggunakan komputer peribadi atau alat elektronik lain (termasuk peranti mudah alih).

“**IFSA**” bermaksud Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan termasuklah apa-apa pindaan yang dibuat terhadapnya

“**Akaun Pelaburan-i**” atau “**IA-i**” bermaksud suatu akaun di mana wang diterima dan diletakkan bagi tujuan pelaburan, termasuk bagi peruntukan kewangan, mengikut Syariah dan di atas terma bahawa tiada obligasi yang nyata atau tersirat untuk membayar balik wang tersebut sepenuhnya dan:

HONG LEONG ISLAMIC BANK BERHAD 200501009144 (686191-W)

- (a) Sama ada hanya jumlah keuntungan, atau kedua-dua jumlah keuntungan atau rugi, hendaklah dikongsi di antara orang yang membayar wang itu dan orang yang menerima wang tersebut; atau
- (b) Dengan atau tanpa apa-apa pulangan.

“**Pemegang Akaun Pelaburan** atau “**IAH**” bermaksud pemegang akaun bagi produk Akaun Pelaburan-i yang ditawarkan oleh pihak Bank dan IAH juga dikenali sebagai “Pelabur”.

“**Penilaian Kesesuaian Pelabur**” atau “**ISA**” bermaksud penilaian yang dilakukan oleh HLISB untuk mengumpul maklumat yang diperlukan daripada prospek IAH iaitu dari segi profil peribadi, tahap risiko dan kebolehan untuk menanggung risiko yang akan membantu pihak Bank memberi cadangan berasas.

“**Tarikh Matang**” merujuk kepada hari di mana pelaburan menjadi matang dan modal yang dilaburkan bersama-sama dengan keuntungan akan dipulangkan semula kepada Pelabur. Sekiranya Tarikh Matang pada hari cuti umum atau pada hari Bank tidak menjalankan urusan niaga, tarikh matang akan dianggap jatuh pada Hari Bekerja Bank yang berikutnya.

“**Mudarabah**” ialah kontrak Islamik antara pengeluar modal (pemilik modal) dan pengusaha (pihak yang menguruskan modal tersebut), yang mensyaratkan sebarang keuntungan akan dikongsi antara dua-dua pihak berdasarkan nisbah perkongsian keuntungan yang telah dipersetujui manakala kerugian dari segi wang pula hanya akan ditanggung oleh pengeluar modal. Pengusaha akan menanggung kerugian dari segi masa dan tenaga yang dicurahkan dan bukannya dari segi kewangan, kecuali apabila kerugian kewangan tersebut berpunca daripada salah laku dan kecuaiannya yang sengaja oleh pihak pengeluar modal.

“**Helaiian Pendedahan Produk**” atau “**PDS**” ialah sebuah dokumen yang mengandungi maklumat-maklumat yang berkaitan tentang produk yang ditawarkan oleh Bank.

“**Nisbah Perkongsian Keuntungan**” atau “**PSR**” ialah nisbah pembahagian keuntungan yang telah ditentukan dan dipersetujui oleh Pelabur sebagai pengeluar modal dan HLISB sebagai pengurus dana (juga dikenali sebagai “Pengusaha”).

“**Aset-Aset Pembiayaan Perniagaan dan Runcit yang Layak**” bermaksud asset-aset pembiayaan runcit dan perniagaan milik HLISB yang telah dipilih untuk dilaburkan bagi mendapatkan pulangan yang stabil dan konsisten kepada Pelabur bagi sesuatu tempoh pelaburan berkala.

“**Syariah**” membawa maksud undang-undang Islam yang berkaitan dengan setiap aspek kehidupan manusia yang ditetapkan oleh Tuhan untuk hamba-hamba-Nya. Undang-undang tersebut dipecahkan kepada 3 bahagian iaitu undang-undang berkaitan kepercayaan (akidah), undang-undang berkaitan perbuatan (fiqh) dan undang-undang berkaitan etika (akhlaq). Dalam perihal ini, Syariah merupakan perkataan lain untuk Islam.

“**Patuh Syariah**” bermaksud bertepatan dengan prinsip-prinsip Syariah seperti mana yang ditentukan oleh Majlis Syariah HLISB dan diluluskan oleh Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia.

“**Tanazul**” bermaksud perbuatan Pelabur melepaskan atau menggugurkan hak terhadap keuntungan dengan syarat suatu peristiwa berlaku.

“**Terma-terma & Syarat-syarat**” bermaksud terma-terma dan syarat-syarat yang ditetapkan dalam perjanjian ini dan akan merangkumi apa-apa pindaan, perubahan dan tambahan yang dibuat dari semasa ke semasa oleh HLISB/ HLBB dan notis pemberitahuan akan dikeluarkan terlebih dahulu.

“**TIA-i**” merujuk kepada produk Akaun Pelaburan Berjangka-i.

“**Akaun Pelaburan Tidak Terhad**” atau “**UA**” bermaksud sejenis akaun pelaburan dimana Pelabur memberi Institusi Kewangan Islam mandat untuk membuat keputusan pelaburan mutakhir tanpa memperincikan sebarang kekangan atau syarat yang perlu dipenuhi.

1.2 Tafsiran

- (a) Perkataan yang menunjukkan jantina maskulin merangkumi jantina feminin serta neuter dan sebaliknya. Perkataan yang menunjukkan tunggal merangkumi majmuk dan sebaliknya. [Nota: Takrif ini tidak terpakai untuk versi bahasa Melayu ini].
- (b) Jika Pelabur terdiri daripada dua orang atau lebih, obligasi dan tanggungan setiap orang adalah bersama dan berasingan.

2. PRINSIP SYARIAH

- 2.1. TIA-i ialah akaun pelaburan berjangka berdasarkan kontrak perkongsian keuntungan, yang dikenali sebagai kontrak Mudarabah. Pelabur memainkan peranan sebagai pengeluar modal dengan melabur di dalam TIA-i. Manakala Bank adalah penerima modal tersebut dan akan menguruskannya bagi pihak Pelabur. Bank akan menggunakan kaedah-kaedah pelaburan yang sesuai, selagi tidak melanggar kehendak Syariah dan selaras dengan Terma-terma & Syarat-syarat kontrak termasuk mandat am Pelabur.
- 2.2. Sebarang keuntungan yang diperolehi daripada pelaburan akan dikongsi di antara Pelabur dan juga Bank mengikut kadar PSR tertentu yang telah dipersetujui oleh kedua-dua pihak.
- 2.3. Sebarang kerugian dari segi kewangan akan ditanggung sepenuhnya oleh Pelabur, selagi kerugian tersebut tidak berpunca daripada salah laku, kecuaiannya dan pelanggaran terma-terma tertentu oleh pihak Bank. Kerugian HLISB di kira dari segi kos dan masa.

3. PERUNTUKAN-PERUNTUKAN AM

- 3.1. Produk ini diklasifikasikan bawah Akaun Pelaburan Tidak Terhad. Pelabur akan menerima sebarang keputusan dan pegurusan Bank terhadap produk pelaburan ini.
- 3.2. Pelabur-pelabur yang layak ialah individu dan/atau perniagaan tunggal.
- 3.3. Matlamat pelaburan TIA-i adalah untuk menjana pulangan yang stabil dan konsisten sepanjang tempoh pelaburan yang ditetapkan melalui pelaburan berisiko rendah hingga sederhana.
- 3.4. Dana ini akan dilaburkan ke dalam aset-aset pembiayaan perniagaan dan runcit yang layak milik Bank. Untuk maklumat lanjut tentang peruntukan aset, sila rujuk kepada helaian PDS. Walaubagaimanapun, Bank boleh menukar peruntukan aset pada bila-bila masa demi kepentingan kedua-dua pihak.

4. PEMBUKAAN AKAUN

- 4.1. Sekiranya Pelabur berprospek merupakan pemegang akaun HLISB (CASA-i) / HLBB (CASA), TIA-i boleh dilanggan melalui Hong Leong Connect kerana produk TIA-i bagi individu dan runcit hanya boleh diakses melalui Hong Leong Connect.
- 4.2. Untuk Pelabur berprospek yang belum memiliki akaun CASA-i/CASA, beliau hendaklah terlebih dahulu membuka akaun CASA-i di mana-mana cawangan HLISB/HLBB atau melalui aplikasi telefon 'Apply@HLB' dan melanggan akses atas talian di Hong Leong Connect, dan kemudiannya boleh melanggan TIA-i melalui saluran tersebut.
- 4.3. Pemohon hendaklah mematuhi semua peraturan dan keperluan Bank untuk membuka akaun CASA-i. HLISB boleh mengubah sebarang peraturan dan keperluan pada bila-bila masa dengan notis pemberitahuan dikeluarkan terlebih dahulu.
- 4.4. HLISB/HLBB boleh menolak sebarang permohonan bagi pembukaan akaun CASA-i/CASA. HLISB/HLBB perlulah memberitahu kepada pemohon terlebih dahulu alasan permohonan tersebut ditolak.
- 4.5. HLISB/HLBB boleh menganggap maklumat yang diberikan oleh Pelabur sebagai lengkap, benar dan betul. Pelabur juga membenarkan dan mengizinkan HLISB/HLBB untuk memperoleh apa-apa maklumat lain yang berkaitan dengan transaksi-transaksi TIA-i. HLISB/HLBB boleh mengumpulkan maklumat dari mana-mana sumber dan melalui apa-apa kaedah pada bila-bila masa sekiranya diperlukan.

5. NOTIS & PERHUBUNGAN

- 5.1. Sekiranya terdapat perubahan pada maklumat peribadi Pelabur, Pelabur hendaklah memberitahu HLISB/HLBB tentang perubahan tersebut melalui e-mel atau Hong Leong Connect dengan serta-merta.
- 5.2. Tujuan Klausula 5.1 di atas adalah untuk membolehkan Bank menyampaikan maklumat mengenai operasi akaun dan segala aktiviti pemasaran yang berkaitan dengan Pelabur. HLISB/HLBB perlulah menggunakan maklumat peribadi terkini yang dimaklumkan oleh Pelabur untuk tujuan perhubungan.
- 5.3. Sebarang pemindaan berkaitan dengan pelaburan TIA-i akan diberitahu kepada Pelabur melalui kaedah-kaedah perhubungan yang disebut dalam Klausula 5.2 di atas sebelum pemindaan tersebut dibuat.
- 5.4. Sekiranya Pelabur menghantar notis kepada HLISB/HLBB melalui pos atau servis kurier atau meninggalkan sebarang notis di mana-mana cawangan, notis tersebut tidak akan dianggap telah sampai kepada HLISB/HLBB melainkan diakui secara bertulis. Untuk mendapatkan notis pengesahan penerimaan, sila hubungi atau e-mel pusat khidmat pelanggan Bank.

6. PENGENDALIAN AKAUN

- 6.1. Pelabur hendaklah berumur sekurang-kurangnya 18 tahun dan ke atas untuk melanggan dana pelaburan TIA-i.
- 6.2. Pelabur hendaklah melengkapkan Penilaian Kesesuaian Pelabur di Hong Leong Connect sebelum melanggan dana pelaburan TIA-i.
- 6.3. Sebarang langganan untuk pelaburan TIA-i hendaklah menggunakan Ringgit Malaysia (“RM”) sahaja.
- 6.4. Jumlah minimum pelaburan permulaan TIA-i ialah RM500.
- 6.5. Tempoh pelaburan yang ditawarkan ialah 3, 6 dan 12 bulan seperti yang dipersetujui oleh Pelabur sebelum bermulanya pelaburan.
- 6.6. Jumlah minimum pelaburan permulaan (Klausula 6.4), tempoh pelaburan (Klausula 6.5) dan PSR (seperti yang tertera di PDS) TIA-i boleh diubah oleh Bank pada bila-bila masa. Perubahan hanya akan digunapakai untuk langganan baharu dan perlu dipersetujui terlebih dahulu oleh Pelabur. Pelabur yang pada mulanya memilih untuk membuat pembaharuan pelaburan secara automatik boleh mengeluarkan pelaburan beliau sebelum bermulanya tempoh pelaburan yang baharu. Sekiranya Pelabur tidak membuat

pengeluaran pelaburannya, Pelabur akan dianggap telah memberi persetujuan terhadap perubahan yang dilakukan oleh Bank.

- 6.7. Nombor akaun khusus akan diberikan bagi dana pelaburan TIA-i. Setiap langganan di bawah nombor akaun khusus tersebut akan diberikan nombor resit.
- 6.8. Penyata akaun bulanan secara atas talian, yang menyenaraikan semua transaksi dalam tempoh pelaburan tersebut, akan disediakan bagi Pelabur di Hong Leong Connect sebelum tarikh 5 haribulan bulan berikutnya.
- 6.9. Laporan Prestasi Dana akan disediakan untuk Pelabur dalam laman sesawang korporat Bank secara suku tahunan.
- 6.10. Pelaburan TIA-i akan dibatalkan jika salah satu atau mana-mana situasi yang berikut berlaku:
 - (a) Kebankrapan dan/atau pembubaran dan/atau pencairan aset Pelabur; atau
 - (b) Pelabur membuat pengeluaran bagi keseluruhan modal yang dilaburkan; atau
 - (c) Pelabur melanggar sebarang terma-terma dan syarat-syarat perjanjian ini; atau
 - (d) Pelabur tidak bersetuju dengan sebarang perubahan terhadap terma-terma dan syarat-syarat.
- 6.11. Sekiranya tarikh matang TIA-i jatuh bukan pada Hari Bekerja, Bank akan membuat pembayaran pada Hari Bekerja yang berikutnya.
- 6.12. Pelabur hanya boleh melanggan dana pelaburan TIA-i melalui Hong Leong Connect. Modal pelaburan akan dipindahkan daripada CASA-i / CASA Pelabur dengan HLISB / HLBB kepada TIA-i.

7. AKTIVITI PELABURAN

- 7.1. Bank berhak untuk menerima atau menolak pelaburan Pelabur berdasarkan alasan-alasan yang munasabah, seperti berpotensi terlibat dengan kegiatan penipuan dan disyaki terlibat dengan kegiatan keganasan.
- 7.2. Pelabur boleh memilih sama ada untuk membuat pembaharuan pelaburan secara automatik ataupun tidak dengan cara berikut:
 - (a) Tanpa Pembaharuan Automatik – pelaburan akan matang pada tarikh matang yang telah ditetapkan. Prinsipal dan keuntungan akan dikreditkan ke dalam CASA-i (HLISB) / CASA (HLBB) Pelabur.
 - (b) Dengan Pembaharuan Automatik:
 - (i) Prinsipal sahaja – Keuntungan akan dikreditkan ke dalam CASA-i (HLISB) / CASA (HLBB) Pelabur; atau
 - (ii) Prinsipal bersama-sama keuntungan

- 7.3. Bank boleh menamatkan sebarang pembaharuan automatik sekiranya Bank menganggap tindakan itu perlu dilaksanakan demi kebaikan kedua-dua pihak termasuklah dan tidak terhad kepada kejadian “*force majeure*” seperti yang diterangkan dalam Klausa 17, dengan notis pemberitahuan diberikan kepada Pelabur terlebih dahulu.
- 7.4. Helaian Terma dan Syarat mestilah dibaca bersama dengan helaian PDS. Pelabur memperakui bahawa dia telah memahami sepenuhnya segala risiko berkaitan dengan TIA-i, termasuk sebarang kemungkinan untuk mengalami kerugian kewangan secara keseluruhan atau sebahagian daripada pelaburan modal dalam TIA-i. Jika Pelabur memerlukan penjelasan lebih lanjut, Pelabur boleh menghubungi pegawai HLISB/HLBB sebelum membuat pelaburan.
- 7.5. Metodologi penilaian untuk menilai Aset Pelaburan dan prestasinya ialah selaras dengan amalan industri jitu dan konsisten dengan Standard Laporan Kewangan Malaysia (“MFRS”). Prestasi Aset Pelaburan akan dipantau oleh Bank secara bulanan.

8. PELABURAN MODAL

- 8.1. Bank mengklasifikasikan TIA-i sebagai akaun terma berjangka. Bank akan memutuskan pulangan bersih portfolio pelaburan, termasuk apa-apa perbelanjaan berkaitan dengan pelaburan dana yang dibenarkan.
- 8.2. Pelaburan akan dinilai secara bulanan dan keuntungan akan dibahagikan apabila pelaburan matang mengikut kadar PSR yang telah dipersetujui.
- 8.3. Bank boleh pada bila-bila masa mendedahkan maklumat yang wajar, tepat dan berkaitan dengan TIA-i kepada Pelabur melalui kaedah munasabah, seperti mengiklankan di dalam laman sesawang Bank bagi tujuan menyampaikan maklumat tersebut.

9. PEMBAYARAN KEUNTUNGAN

- 9.1. Sebarang keuntungan yang dijana daripada TIA-i akan dibayar kepada Pelabur pada tarikh matang berdasarkan PSR selaras dengan jangkaan kadar keuntungan indikatif yang ditentukan oleh Bank dari semasa ke semasa. Untuk maklumat lanjut kadar keuntungan indikatif dan PSR, sila rujuk <https://www.hlisb.com.my/en/personal-i/investment-account-i/investment-account-i/investment-account-i.html>.
- 9.2. Bank akan menentukan pengiraan keuntungan yang boleh dirujuk oleh Pelabur di dalam helaian PDS. Jika terdapat perubahan terhadap Kadar Dasar Semalaman (OPR), kadar keuntungan indikatif untuk langganan (selepas perubahan OPR) berkemungkinan akan berubah.
- 9.3. Keuntungan yang dibayar kepada Pelabur akan disalurkan ke dalam akaun CASA-i (HLISB) / CASA (HLBB) pelabur pada tarikh matang.

- 9.4. Sekiranya terdapat lebih keuntungan yang dijana daripada TIA-i menjangkau kadar keuntungan indikatif, Pelabur bersetuju untuk melepaskan atau mengetepikan jumlah lebihan tersebut berdasarkan prinsip Syariah Tanazul. Lebihan keuntungan tersebut kemudiannya akan diserap oleh Bank.

10. PENGELUARAN

- 10.1. Pengeluaran separa (iaitu apabila Pelabur mengeluarkan hanya sebahagian daripada jumlah keseluruhan modal yang dilaburkan dalam TIA-i) tidak dibenarkan dalam apa-apa keadaan.
- 10.2. Pengeluaran pada tarikh matang hendaklah mengikut terma-terma dan/atau syarat-syarat yang dipersetujui antara Bank dan Pelabur.
- 10.3. Pengeluaran hanya boleh dilakukan melalui Hong Leong Connect dan akan dikreditkan secara serta-merta ke dalam akaun CASA-i (HLISB)/ CASA (HLBB) Pelabur.
- 10.4. Sekiranya pelaburan mengalami kerugian, Bank akan mengambil kira jumlah kerugian tersebut sebelum membuat pembayaran kepada Pelabur.
- 10.5. Bank boleh menggantung sebarang pengeluaran dari akaun TIA-i dengan terbitan notis 21 hari dalam keadaan-keadaan berikut:
- (a) Keadaan luar biasa, yang termasuk tetapi tidak terhad kepada: (i) kegagalan pasaran secara menyeluruh atau krisis kewangan/ekonomi seperti kejatuhan pasaran saham atau kejatuhan harga aset; (ii) isu-isu operasi seperti bekalan elektrik terputus secara besar-besaran atau kegagalan sistem; dan (iii) “*force majeure*”.
 - (b) Demi kepentingan Pelabur, yang termasuk tetapi tidak terhad kepada: (i) aset tidak dapat dicairkan pada harga dan terma-terma yang sesuai untuk memenuhi syarat penebusan. Untuk tujuan ini, harga aset tidak cair akan diperolehi daripada atau disahkan oleh pihak ketiga yang bebas, yang boleh dijalankan sebelum atau selepas penggantungan pengeluaran; dan (ii) Pelabur akan terkesan dengan negatif sekiranya penggantungan tidak dilakukan.
- 10.6. Bank membenarkan pengeluaran pra-matang namun tiada keuntungan akan dibayar untuk pelaburan TIA-i yang tidak memenuhi tempoh penuh pelaburannya.

11. PENUTUPAN & PEMBEKUAN AKAUN

- 11.1. Pelabur boleh menutup akaun TIA-i melalui Hong Leong Connect. Bank akan dimaklumkan tentang penutupan akaun tersebut dengan sewajarnya.
- 11.2. Bank akan menutup akaun pelaburan TIA-i apabila Pelabur membuat pengeluaran sepenuhnya atau secara pra-matang.

- 11.3. Bank boleh menutup akaun TIA-i Pelabur, sekiranya Bank memutuskan hal tersebut perlu seperti, tetapi tidak terhadap, apabila Pelabur terlibat dalam aktiviti haram dan/atau aktiviti tidak beretika, dengan memberikan notis terlebih dahulu kepada Pelabur.
- 11.4. Pelabur hendaklah mematuhi semua syarat dan keperluan Bank dalam proses penutupan akaun TIA-i.
- 11.5. Bank boleh, pada bila-bila masa dengan pemberitahuan, berhenti daripada menjalankan apa-apa arahan atau transaksi berkaitan dengan TIA-i sekiranya mana-mana situasi berikut berlaku:
- (a) Bank dimaklumkan bahawa Pelabur telah melakukan sesuatu tindakan kebangkrapan dan/atau notis kebangkrapan dan/atau petisyen penggulungan dan/atau petisyen pemiutang untuk kebangkrapan telah difailkan atau dibentangkan kepada Pelabur (“hal-hal insolvensi Pelabur”);
 - (b) Bank dimaklumkan dan diminta oleh mana-mana pihak berkuasa, seperti Bank Negara Malaysia, Polis Diraja Malaysia, Kerajaan Malaysia atau mana-mana pihak berkuasa berkanun atau badan kerajaan lain (“pihak berkuasa berkaitan”) untuk menghalang daripada melakukan sebarang transaksi bawah TIA-i.
- 11.6. Bank tidak akan membekukan lagi TIA-i Pelabur sekiranya mana-mana situasi berikut berlaku:
- (a) Berhubung dengan hal-hal kebangkrapan Pelabur, Pelabur hendaklah mengemukakan bukti yang wajar hingga memuaskan hati Bank bahawa Notis Kebankrapan atau petisyen pemiutang untuk kebangkrapan telah ditarik balik secara sah oleh pempetisyen atau ditolak atau dibatalkan oleh mahkamah.
 - (b) Berhubung dengan pertikaian dalaman Pelabur, semua pihak yang terlibat hendaklah mencapai kata persetujuan. Mereka kemudiannya hendaklah menandatangani dan memberi pernyataan bertulis yang memberi penerangan meminta penamatan Pembekuan TIA-i dengan tidak bersyarat.
 - (c) Berhubung perintah daripada pihak-pihak berkuasa berkaitan, Bank telah dimaklumkan secara bertulis oleh pihak berkuasa berkaitan untuk menamatkan Pembekuan TIA-i;
 - (d) Bank diberi perintah mahkamah untuk membenarkan atau mengarahkan penamatan Pembekuan TIA-i.
- 11.7. Kecuali kerugian yang berpunca daripada salah laku sengaja atau kecuaiian pihak Bank, Pelabur bersetuju bahawa Bank tidak akan dipertanggungjawabkan dan boleh dibayar ganti rugi penuh terhadap sebarang tuntutan, kerugian dan/atau apa-apa tanggungan dan/atau tuntutan pembayaran yang mungkin dibuat terhadap Bank oleh Pelabur atau mana-mana pihak disebabkan oleh Pembekuan TIA-i.

- 11.8. Sekiranya Bank didakwa atau dijadikan pihak dalam sebarang tindakan guaman (contohnya prosiding interplider dan sebagainya) berbangkit daripada tindakan Bank yang Membekukan TIA-i, Bank tidak akan dipertanggungjawabkan bagi sebarang liabiliti yang muncul disebabkan tindakan guaman tersebut sama ada mungkin ditanggung oleh atau dianugerahkan kepada Bank, oleh mahkamah kecuali dengan sebab munasabah.
- 11.9. Dalam situasi Bank mengesyaki akaun Pelabur digunakan atau dikaitkan dengan sebarang aktiviti yang menyalahi undang-undang, Bank boleh meminta Pelabur untuk menjelaskan dan mengesahkan transaksi tersebut. Jika Pelabur gagal memberi penjelasan kepada Bank atau penjelasan yang diberikan tidak memuaskan pada Bank, Bank boleh menutup, membekukan atau mengambil tindakan terhadap akaun Pelabur sebagaimana yang difikirkan sesuai oleh Bank, selagi Pelabur diberitahu terlebih dahulu.

12. PENYATA AKAUN

- 12.1. Sekiranya penyata akaun bulanan tidak tersedia untuk Pelabur di Hong Leong Connect atau adanya sebarang kesilapan atau tuntutan untuk sejarah transaksi atau penyata yang disediakan atas talian di Hong Leong Connect, Pelabur hendaklah memaklumkan Bank dalam masa empat belas (14) hari dari tarikh penerbitan sejarah transaksi atau penyata tersebut. Jika tidak, Pelabur dianggap menerima setiap entri terkandung dalam sejarah transaksi dan penyata sebagai benar dan tepat dari semua aspek.

13. KOS, PERBELANJAAN & BAYARAN

- 13.1. Pelabur bersetuju dengan pembayaran sebarang fi dan bayaran yang dikenakan (termasuk tetapi tidak terhad kepada cukai perkhidmatan atau GST jika ada) untuk apa-apa perkhidmatan HLISB/HLBB yang dilakukan kepada Pelabur. Semua kemungkinan fi dan bayaran berdasarkan situasi yang relevan boleh didapati di <https://www.hlisb.com.my/en/personal-i/help-support/fees-and-charges.html>.
- 13.2. HLISB/HLBB boleh mengubah fi, komisyen dan sebarang bayaran pada bila-bila masa dengan notis pemberitahuan di keluarkan terlebih dahulu.
- 13.3. Jika HLISB/HLBB perlu di sisi undang-undang untuk menahan sebarang jumlah wang dari akaun TIA-i, HLISB/HLBB boleh menolak sebarang cukai atau bayaran lain yang perlu dibayar berhubung dengan pendapatan TIA-i Pelabur dari amaun akaun TIA-i Pelabur yang ditahan.

14. PENEPIAN

- 14.1. Sebarang kegagalan, kelewatan atau pengabaian oleh HLISB/HLBB untuk menggunakan sebarang hak, kuasa, keistimewaan atau remedi tidak bermakna bahawa Bank telah melepaskan hak, kuasa, keistimewaan atau remedi tersebut kecuali dinyatakan dengan jelas. Ia juga tidak akan menjejaskan hak, kuasa, keistimewaan atau

remedi semasa atau pada masa hadapan HLISB, tidak kira sama ada HLISB telah melepaskan hak, kuasa, keistimewaan atau remedi tersebut ataupun tidak.

15. TANGGUNG RUGI

15.1. Kecuali kerugian disebabkan salah laku sengaja atau kecuaiian secara langsung oleh pihak Bank, Pelabur tidak akan mempertanggungjawabkan HLISB/HLBB dan akan mengganti rugi HLISB/HLBB untuk sebarang kerugian, kerosakan dan perbelanjaan HLISB/HLBB yang mungkin alami, kecuali dengan sebab munasabah.

16. HAD TANGGUNGAN

16.1. HLISB/HLBB tidak akan bertanggungjawab kepada Pelabur dan/atau mana-mana pihak ketiga untuk sebarang kerugian (sama ada secara langsung mahupun tidak langsung) kewangan atau perniagaan atau nama baik atau turutan walaupun jika HLISB/HLBB telahpun dinasihati tentang kemungkinan terjadinya situasi tersebut, kecuali dengan sebab munasabah.

16.2. Tertakluk kepada peruntukan dalam dokumen ini, tanggungan maksimum HLISB/HLBB kepada Pelabur tidak boleh melebihi jumlah urus niaga yang terlibat jumlah urus niaga yang terlibat yang menimbulkan tuntutan atau kerosakan langsung yang dialami, mengikut mana-mana yang lebih rendah, dalam kontrak dan tort (termasuk kelalaian atau pelanggaran kewajiban statutori).

16.3. Setiap peruntukan dalam Klausa 16 ini dianggap mempunyai had berasingan. Sekiranya salah satu peruntukan tidak boleh diguna pakai atau dikira tidak munasabah, peruntukan yang lain akan tetap berkuatkuasa walaupun TIA-i ditamatkan.

17. FORCE MAJEURE

17.1. HLISB/HLBB tidak akan bertanggungjawab untuk sebarang kesusahan, kerugian, kecederaan, kerosakan yang dialami atau yang timbul pada Pelabur akibat ketidakbolehan HLISB/HLBB untuk menjalankan apa-apa operasi atau menyediakan sebarang perkhidmatan disebabkan apa-apa sebab yang di luar kawalan HLISB/HLBB, termasuk tetapi tidak terhad kepada bencana alam, kemalangan, gangguan awam, pertikaian industri, perbuatan musuh awam, sekatan, peperangan, epidemik, pandemik, perbuatan Tuhan atau apa-apa faktor dalam bentuk "*force majeure*" atau apa-apa kegagalan atau gangguan telekomunikasi, bekalan elektrik, air atau bekalan bahan api.

18. KETERASINGAN

18.1. Apa-apa peruntukan, terma atau syarat dalam dokumen ini atau apa-apa dokumen cagarang yang diambil adalah atau menjadi haram, terbatal, tidak sah, dilarang atau tidak boleh berkuat kuasa dalam apa jua hal dianggap tidak boleh diguna pakai. Walaubagaimanapun, hal ini tidak membatalkan peruntukan-peruntukan lain yang

terkandung dalam Terma-terma dan Syarat-syarat ini atau dokumen-dokumen cagaran yang berkaitan.

19. UNDANG-UNDANG TERPAKAI

19.1. Terma-terma dan Syarat-syarat ini akan diselia dan ditafsirkan berdasarkan undang-undang Malaysia dan dokumen-dokumen pengawalseliaan Bank Negara Malaysia dan badan-badan kawal selia lain yang HLISB/ HLBB tertakluk kepadanya. Dalam menguatkuasakan hak-hak, HLISB/ HLBB boleh mengambil tindakan terhadap Pelabur dan mana-mana pihak yang HLISB/ HLBB anggap sesuai. Pelabur bersetuju untuk mana-mana tindakan atau prosiding yang dilakukan di Malaysia, ia hendaklah mematuhi bidang kuasa tidak eksklusif Mahkamah Malaya dan Sabah dan Sarawak.

20. ARAHAN

20.1. Sebarang arahan daripada Pelabur kepada HLISB/ HLBB berkaitan TIA-i akan disampaikan secara bertulis dan ditandatangani oleh Pelabur atau melalui e-mel Pelabur yang berdaftar dengan Bank. Arahan tersebut hanya akan berkuat kuasa apabila diterima oleh HLISB/ HLBB.

21. TIADA PENYERAHAN HAK ATAU KEWUJUDAN KEPENTINGAN CAGARAN

21.1. Pelabur tidak boleh, tanpa kebenaran secara bertulis daripada Bank, menyerahkan hak dan/atau mewujudkan sebarang kepentingan cagaran terhadap atau berkaitan dengan TIA-i untuk kepentingan mana-mana individu kecuali Bank.

22. PENDEDAHAN

22.1. Sebagai tambahan kepada pendedahan yang dibenarkan di bawah Jadual 11 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 / IFSA 2013, Pelabur membenarkan HLISB/ HLBB untuk mendedahkan segala maklumat tentang dan berkaitan dengan TIA-i kepada:

- (a) institusi-institusi kewangan lain yang memberikan atau bercadang untuk memberikan sebarang kemudahan kredit kepada Pelabur, Cagamas Berhad, Perbadanan Jaminan Kredit, mana-mana pihak berkuasa/agensi yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia, mana-mana agensi yang ditubuhkan oleh Persatuan Bank Bank Dalam Malaysia (ABM) / Persatuan Institusi Perbankan dan Kewangan Islam Malaysia (AIBIM) atau mana-mana pihak berkuat kuasa lain yang diberi kuasa di sisi undang-undang untuk mendapatkan maklumat tersebut;
- (b) mana-mana syarikat semasa atau yang akan datang yang boleh dikaitkan dengan atau berkaitan dengan HLISB / HLBB (seperti yang ditakrifkan dalam Akta Syarikat 2016);
- (c) pihak-pihak pemberi cagaran atau mana-mana pihak yang bercadang untuk menyediakan jaminan berkenaan dengan TIA;

- (d) penasihat professional HLISB/ HLBB (dan syarikat-syarikat berkaitan dan bersekutu dengannya), juruaudit, peguam, pembekal perkhidmatan penerima penamaan, agen-agen, kontraktor-kontraktor atau pembekal perkhidmatan pihak ketiga.

22.2. Pelabur mengesahkan bahawa HLISB/HLBB tidak menanggung sebarang liabiliti apabila mendedahkan maklumat tersebut atau apa-apa akibat daripada kebergantungan maklumat yang didedahkan tersebut.

22.3. Pelabur bersetuju dengan pemegangan, pengumpulan dan penggunaan oleh HLISB/HLBB semua data peribadi yang diberi oleh Pelabur, yang diperolehi daripada domain awam atau dikumpulkan melalui perkhidmatan yang disediakan kepada Pelabur, mengikut Polisi Privasi HLISB/HLBB yang boleh ditukar dari semasa ke semasa. Sila rujuk pautan berikut: <https://www.hlb.com.my/privacynotice>.

23. TERMA-TERMA & SYARAT-SYARAT

23.1. Semua Terma-terma dan Syarat-syarat adalah bukan klausa yang berasingan dan masih tertakluk kepada Terma-terma dan Syarat-syarat yang lain kecuali dinyatakan sebaliknya atau diasingkan (seperti tertera di Klausa 18.1).

23.2. Pelabur hanya boleh menerima atau menolak Terma-terma dan Syarat-syarat dan Pelabur tidak dibenarkan membuat sebarang perubahan pada Terma-terma dan Syarat-syarat ini dalam apa jua bentuk walaupun Pelabur telah memberitahu HLISB/ HLBB tentang perubahan yang dilakukan.

23.3. HLISB/HLBB boleh membuat perubahan, yang mengikat Pelabur, kepada Terma-terma dan Syarat-syarat ini dengan memberi notis terlebih dahulu kepada Pelabur. HLISB/HLBB dianggap telah memberi notis kepada Pelabur setelah memaparkan peruntukan terperinci tentang perubahan yang dilakukan di premis-premis dan laman sesawang HLISB/ HLBB, dan menghantar notis kepada alamat terakhir Pelabur yang diketahui, melalui mel elektronik, melalui Hong Leong Connect atau melalui apa-apa cara pemberitahuan yang dipilih oleh HLISB/ HLBB. Perubahan yang dilakukan adalah mengikat terhadap Pelabur mulai dari tarikh notis diberi tentang perubahan tersebut atau dari tarikh yang dinyatakan oleh HLISB/ HLBB dalam notis pemberitahuan tersebut, melainkan Pelabur memaklumkan Bank bahawa Pelabur tidak bersetuju dengan perubahan yang dilakukan dalam masa empat belas (14) Hari Bekerja.

23.4. Jika berlaku sebarang percanggahan antara Terma-terma dan Syarat-syarat ini dan terma-terma dan syarat-syarat bagi sebarang perkhidmatan elektronik, telefon dan/atau perbankan internet yang disediakan oleh HLISB / HLBB, terma dan syarat bagi perkhidmatan elektronik, telefon dan/atau perbankan internet akan diterima pakai.

24. PENGGANTIAN TERMA-TERMA & SYARAT SYARAT

24.1. Terma-terma dan Syarat-syarat ini menggantikan semua peraturan dan/atau terma-terma dan syarat-syarat pengendalian TIA-i yang lepas.

25. SEKURITI DAN PENAFIAN

25.1. Di mana sebarang terma / keperluan / arahan dalam Terma-terma dan Syarat-syarat ini tidak dipatuhi oleh Pelabur, HLISB/ HLBB akan terlepas daripada segala tanggungan sama yang berkenaan. Pelabur sedia maklum bahawa sekiranya Pelabur memberi akses akaun kepada pihak lain pelbagai pihak, Pelabur akan menangani keperluan perlindungan dalaman dan penyemakan penyata akaun.

26. WAKTU DAN/ATAU HARI BEKERJA

26.1. HLISB/HLBB boleh melanjutkan, mengubah atau menyemak semula waktu dan/atau hari bekerja mengikut keperluan perniagaan dan pengendaliannya dengan memberi notis pemberitahuan terlebih dahulu.

27. CUKAI JUALAN & PERKHIDMATAN

27.1. Pelabur akan membayar sebarang Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) dan/atau Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) yang perlu ditunaikan hasil dari aktiviti pelaburan TIA-i atau sebarang aktiviti berkaitan dengannya.

28. LAIN-LAIN

28.1. Sekiranya terdapat aduan berhubung dengan TIA-i, Pelabur boleh mengemukakan aduan di mana-mana pusat atau cawangan HLISB/HLBB. Jika penerangan atau penyelesaian yang diberi oleh pusat atau cawangan HLISB/ HLBB tidak mencapai tahap memuaskan untuk Pelabur, Pelabur boleh menghubungi HLISB/ HLBB *Service Recovery & Complaint Resolution – Customer Experience* di alamat, nombor telefon, dan e-mel berikut (atau mana-mana alamat, nombor telefon, e-mel lain yang mungkin berubah dengan notis pemberitahuan dikeluarkan terlebih dahulu): Hong Leong Bank Berhad, Tingkat 13A, Menara Hong Leong, No. 6, Jalan Damanlela, Bukit Damansara, 50490 Kuala Lumpur. No. Pusat Panggilan: +603-7626 8899, E-mel: HLOnline@hlbb.hongleong.com.my.

28.2. Sekiranya Pelabur tidak berpuas hati dengan resolusi HLISB/HLBB terhadap aduan yang dibuat, Pelabur boleh menghubungi LINK Bank Negara Malaysia atau BNMTELELINK di alamat, nombor telefon dan e-mel berikut: Laman Informasi Nasihat dan Khidmat (LINK), Bank Negara Malaysia, P.O Box 10922, 50929 Kuala Lumpur. No. Pusat Panggilan: 1-300-88-5465, E-mel: bnmtelelink@bnm.gov.my.

28.3. Terma-terma dan Syarat-syarat ini dirangka untuk mematuhi Syariah secara menyeluruh. Pihak Pelabur dan Bank bersetuju bahawa hak-hak dan tanggungjawab-tanggungjawab mereka dalam perjanjian ini bertepatan dengan prinsip-prinsip Syariah (seperti yang

HONG LEONG ISLAMIC BANK BERHAD 200501009144 (686191-W)

ditentukan oleh Majlis Syariah Bank dan diluluskan oleh Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia).

29. PENTING: Sila ketahui bahawa kegagalan Pelabur untuk mematuhi sebarang terma yang tertera di dalam sebarang bahagian Terma-terma dan Syarat-syarat ini akan membebaskan HLISB / HLBB dari semua tanggungan.

(Terma-terma dan Syarat-syarat Tamat)

AMARAN

PULANGAN TERHADAP AKAUN PELABURAN-i INI AKAN BERGANTUNG KEPADA PRESTASI ASET PENDASAR. JUMLAH MODAL DAN PULANGAN TIDAK DIJAMIN DAN PEMEGANG AKAUN MENANGGUNG RISIKO TIDAK MEMPEROLEHI SEBARANG PULANGAN SAMA SEKALI. AKAUN PELABURAN-i INI TIDAK DILINDUNGI OLEH PIDM.